

Buka zon proses eksport: PM

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

BH 25 APR 1992

SUBANG, Jumaat -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebuah konsortium mengandungi beberapa syarikat tempatan akan diwujudkan bagi membuka zon pemprosesan eksport, sama dengan konsep zon perdagangan bebas, di Vietnam.

Menurutnya, kerajaan Vietnam mempelawa usahawan Malaysia membuka zon pemprosesan eksport di negara itu dan menawarkan pilihan beberapa kawasan yang luas dan mencukupi.

Perdana Menteri menyifatkan lawatan ke Vietnam sebagai yang terbaik dan paling berjaya berbanding lawatan perdagangan ke negara lain sebelum ini.

"Lawatan ini amat berjaya kerana kita dapat menjalin hubungan baik serta menandatangani beberapa perjanjian di antara kerajaan dan kerajaan. Kejayaan ini jelas di segi ekonomi dan politik, umpamanya kita berjaya mencapai persetujuan untuk membincangkan masalah tuntutan bertindih di Laut China Selatan secara damai.

"Sebanyak 20 perjanjian perdagangan di antara syarikat Malaysia dengan syarikat Vietnam juga berjaya ditandatangani," katanya kepada pemberita setibanya ber-

sama rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Dr Mahathir mengetuai rombongan 127 pegawai peringkat tertinggi kerajaan yang turut disertai kira-kira 100 ahli perniagaan tempatan.

Ikut sama dalam rombongan itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu dan Menteri Pertanian, Datuk Seri Samsu Junid.

Perdana Menteri berkata, lawatan lima hari itu membolehkan Malaysia mengenal pasti jenis barang yang boleh diimport, perkhidmatan serta jenis pelaburan dari negara ini yang sesuai dipasarkan di negara itu.

"Lawatan ini juga membolehkan saya melihat keadaan sebenar Vietnam yang berbeza daripada jangkaan saya, iaitu kegiatan perdagangan swasta, sama ada di segi runcit atau perniagaan besar memang banyak, terutama di Saigon.

"Vietnam dalam proses inovasi memperkenalkan pelbagai jenis perniagaan swasta yang suatu masa dulu tidak dibenarkan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, masalah kekurangan wang tunai yang dialami Vietnam tidak menjadi masalah besar kepada hubungan perdagangan kedua-dua negara.

"Ini (kekurangan wang tunai) tidak akan menjadi masalah besar kerana pada masa sekarang pun negara lebih banyak membeli daripada mengeksport ke sana.

"Setelah mengenal pasti barang yang boleh dibeli dan dipasarkan di sana, kita akan mengadakan perdagangan timbal balas dan menandatangani perjanjian perdagangan dua hala dengan Vietnam," katanya.

Mengenai tawaran Malaysia untuk melatih pelarian Vietnam yang berada di negara ini sebelum dihantar pulang, Perdana Menteri berkata, terpu- lang kepada kerajaan Vietnam untuk menyambut tawaran itu.

"Malaysia hanya mengemukakan cadangan saja. Bagaimanapun, mereka mungkin tidak senang hati jika kita menumpukan kepada pelarian yang ada di negara ini saja, sedangkan rakyat mereka di sana banyak yang tidak mempunyai pekerjaan," katanya.

Kadar pengangguran di Vietnam ialah kira-kira 20 peratus daripada jumlah pekerja di negara itu.